

Headline	Program KISS bantu kanak-kanak HIV/AIDS		
Date	09. Jun 2009	Language	MALAY
Media Title	Sinar Harian	Page No	S14
Section	Selangor & KL	Article Size	192 cm2
Circulation	60000	Frequency	Daily
Readership	0	Color	Black/White
		AdValue	771.96



## Program KISS bantu kanak-kanak HIV/AIDS

**KUALA LUMPUR** – Bersempena dengan sambutan ulang tahun ke 100 L'Oreal di seluruh dunia, L'Oreal Malaysia menyumbangkan RM150,000 kepada Yayasan AIDS Malaysia (MAF) bagi melaksanakan program Keep In School Scheme (KISS) yang akan menaja 100 kanak-kanak penghidap atau penerima kesan daripada HIV/AIDS.

Pengarah Urusan L'Oreal Malaysia, Jean Francois Couve berkata, melalui program KISS, kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke atas itu akan menerima bantuan kewangan bagi menyambung pelajaran mereka ke sekolah menengah.

Menurutnya, dana yang disediakan itu akan menampung keperluan asas persekolahan mereka merangkumi yuran sekolah, uniform, kasut dan keperluan harian.

"Program ini akan membawa perubahan dalam hidup kanak-kanak berkenaan dan membolehkan mereka mendapat pendidikan,

penjagaan kesihatan yang sempurna pada masa depan," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Ulang tahun ke 100 L'Oreal, dekat sini.

Katanya, dianggarkan 85,000 rakyat Malaysia menghidap HIV positif dan setiap hari 10 orang sehingga 15 orang dihidang virus itu serta 2,027 kanak-kanak berusia dua tahun sehingga 19 tahun turut dijangkiti HIV dan 445 menghidap AIDS.

Beliau berkata, L'Oreal Malaysia mempunyai komitmen jangka panjang untuk respons secara berkesan terhadap HIV/AIDS di negara ini.

"Semangat sambutan 100 tahun ini harus memancarkan kemurahan hati dan perkongsian kejayaan serta nasib baik kami dengan insan lain kerana semangat murah hati adalah merupakan salah satu daripada prinsip kami," katanya.

Jean berkata, dengan usaha sama ber-

sama MAF, L'Oreal Malaysia komited untuk menaja 100 orang kanak-kanak menghidap atau menerima kesan daripada HIV/AIDS meneruskan pendidikan sekolah menengah dan menyedari impian mereka.

Sementara itu, Penasihat MAF, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, yayasan itu mengenal pasti bahawa kanak-kanak yang hidup dengan HIV/AIDS mempunyai keperluan segera yang memerlukan penyelesaian segera dan bantuan kewangan.

Katanya, melalui kejayaan Dana AIDS Pediatrik, MAF menyasarkan untuk menambahkan lagi sokongan demi kebaikan kanak-kanak berusia 13 dan 19 tahun ke atas, oleh kerana itulah yayasan ini mewujudkan program KISS pada tahun lalu.

Marina berkata, untuk kali pertamanya pada tahun ini, kanak-kanak berusia 13 sehingga 19 tahun menerima pembiayaan melalui program KISS yang menyediakan

bantuan kewangan untuk mengurangkan penderitaan kanak-kanak yang menghidap atau menerima kesan daripada HIV/AIDS.

"MAF bekerjasama dengan Pakar Pediatrik daripada klinik kesihatan tempatan, hospital dan rumah kebajikan seperti Rumah Soleha untuk mengenal pasti kanak-kanak yang menghidap HIV/AIDS dan menerima kesan daripadanya.

"Selain daripada rumah anak-anak yatim, kanak-kanak yang dikenal pasti ini juga terdiri daripada keluarga individu bagaimanapun mereka mestilah rakyat Malaysia berusia 13 dan 19 tahun," katanya.

Menurutnya, sumbangan RM150,000 daripada L'Oreal Malaysia kepada program KISS akan membantu mengurangkan beban kewangan keluarga miskin yang mempunyai anak-anak dijangkiti virus HIV atau kanak-kanak HIV negatif.